

# NAZMIZAN MAHU BERHIJRAH

Oleh Malik Muhamad

KECEWA dengan layanan negeri sendiri, membuatkan pelari pecut negara, Nazmizan Muhammad, berhasrat mewakili negeri lain pada kejohanan yang berlangsung pada tahun ini.

Nazmizan, 22, yang nyata kecewa dengan sikap Persatuan Olahraga Amatir Terengganu (POAT), tidak menjaga kebajikan atlet, meluahkan hajatnya kepada Arena Metro, untuk beraksi dengan negeri lain.

"Sampai bila saya harus mewakili Terengganu, sedangkan pada masa yang sama, POAT seolah-olah tidak mampu menjaga atlet," katanya kesal.

Menurut Nazmizan, dia bukannya ibarat 'kacang lupakan kulit' dengan hasratnya untuk berhijrah itu.

"Tetapi dengan perkembangan terkini serta demi peningkatan pencapaian saya dalam sukan olahraga, saya rasa sudah tiba masanya saya mewakili negeri lain," katanya.

Selain itu, katanya, dengan luahan ini, diharap tidak ada pihak

tertentu memperbesarkan perkara ini, kerana hasrat untuk mewakili negeri lain bukannya untuk mencari kemewahan atau kesenangan.

"Hasrat saya ini adalah didorong oleh diri sendiri memandangkan Terengganu gagal menjaga kebajikan pemain dan bukannya untuk menagih kemewahan," katanya.

Ketika ditanya negeri mana yang akan diwakilinya, Nazmizan berkata, beliau belum memutuskan lagi mengenai negeri berkenaan, tetapi sudah ada perancangan bagi meningkatkan lagi pencapaiannya.

Bagaimanapun, Nazmizan berkata, keputusan untuk mewakili negeri lain belum lagi muktamad dan akan diumumkan dalam masa terdekat ini.

"Sekiranya, luahan saya ini mendapat perhatian daripada pengurusan POAT, saya tetap akan mewakili Terengganu, kerana disinilah karier saya bermula," katanya.

Menurut atlet yang berasal dari Kampung Durian Mentangau, Dungen, dia berazam untuk memem-

cahkan rekod kebangsaan dalam acara 100 dan 200 meter.

"Saya bertekad pada saingan Sukan Sea di Vietnam dan Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF) pada tahun ini, untuk memecah rekod kebangsaan dalam acara 100 meter yang masih dipegang pelari dari Sarawak, Watson (Nyambek), dengan catatan 10.30s," katanya.

Manakala, Datuk Dr Jegathesan, memegang rekod kebangsaan dalam acara 200 meter, dengan catatan 20.92 saat, ketika Kejohanan Sukan Olimpik di Mexico, pada 1968.

Nazmizan yang kini menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Ijazah Sains Pembangunan Manusia, dengan pembiayaan sendiri, berazam akan mencatat di bawah 10.30s dalam acara 100 meter dan bawah 20.92 saat dalam acara 200 meter.

Setakat ini catatan terbaiknya dalam acara 100 meter adalah 10.52s dan 21.33s bagi 200m.

**BANGGA...Nazmizan menunjukkan sijil kepada ibunya, Zaini Abu Bakar, selepas majlis penyerahan di Wisma Negeri Terengganu, baru-baru ini.**  
- Gambar IMRAN MAKHZAN

